

CNS7184

U PB 05-08 00167 BU296

AAH

Mahathir - Ghafar

GHAFAR TIDAK NYATAKAN HASRAT UNTUK LETAK JAWATAN, KATA MAHATHIR
KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa Encik Ghafar Baba tidak ada menyatakan sebarang hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Ketika ditanya pemberita sama ada mesyuarat MT hari ini membincangkan mengenai perletakan jawatan Ghafar, Dr Mahathir secara berseloroh menjawab: "Saudara nak menulis buku? Saudara tulislah apapun!"

Ghafar, yang juga Timbalan Presiden UMNO tidak hadir pada persidangan akhbar itu. Yang hadir ialah Naib-naib Presiden parti iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Seri Sanusi Junid dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Dia ada di sini tadi tapi dia ada urusan... dia minta izin hendak keluar dahulu," kata Dr Mahathir. -- lagi.

▼05/08/15-51MST

CNS7196

U PB 05-08 00214 BU297

AAH

Mahathir - Ghafar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kepada soalan kononnya beberapa menteri kabinet akan turut meletakkan jawatan bersama Ghafar, Dr Mahathir berkata: "Siapa dia (mereka), tolong beritahu. Saudara mempunyai lebih banyak berita daripada saya, kenapa bertanya kepada saya, saya sepatutnya bertanya kepada saudara apakah berita itu."

Dr Mahathir juga memberitahu bahawa UMNO sedang menentukan calon untuk pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Batu Talam dan UMNO di negeri-negeri akan turut membantu berkempen.

Beliau berkata, jentera parti telahpun disiapkan untuk menghadapinya.

Mengenai lawatan pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Encik Yasser Arafat dan presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), Encik Nelson Mandela ke negara ini baru-baru ini beliau berkata, kedua-dua pemimpin itu memberi penerangan terperinci mengenai perkembangan di kawasan masing-masing di samping meminta sokongan Malaysia di atas perjuangan mereka.

"Mereka juga memberi penjelasan tentang apa sebenarnya berlaku di Asia Barat dan Afrika Selatan untuk maklumat terperinci bagi saya dan rakan-rakan saya dan mereka minta kita beri sokongan dan kita memberi sokongan moral kepada mereka.

"Kita lebih memahami tentang apa yang berlaku selepas mereka memberi penjelasan kerana kita tahu laporan dalam akhbar biasanya tidak tepat, berasaskan kepada tekaan sahaja, dan juga pandangan berat sebelah orang yang menulis termasuk wartawan," katanya. -- Bernama.

AIY KAM.

▼05/08/16-03MST